



اُنِيْوَرْسِيْتِيْ تِكْنُوْلُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

U

**BULETIN
UNIT RESIDENSI
& HOSPITALITI
PELAJAR**

R

H

P

**EDISI 3
OKTOBER 2025**

JPK SIP: GLOWY FUNFIT NIGHT

EXCO PERNIAGAAN DAN KEUSAHAWANAN

Pada 25 June 2025, Exco Perniagaan dan Keusahawanan, Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) telah mengambil peluang untuk menjalankan aktiviti jualan sempena program *Glowy Funfit Night* yang berlangsung di Perkarangan Parkir Kolej Mayang Selida. Program ini merupakan satu inisiatif kecergasan malam yang meriah dengan aktiviti senaman dan *aerofit* berirama yang diadakan dari jam 9.00 malam hingga 11.00 malam. Program ini berjaya menarik penyertaan yang sangat sangat mengalakkan daripada pelajar-pelajar kolej serta warga kampus yang lain.



Melihat kepada kesesuaian tema program yang melibatkan pergerakan fizikal dan tenaga, exco telah mengambil pendekatan bijak dengan menjalankan jualan minuman yang menyegarkan iaitu *Ribena Soda*. Minuman ini ditawarkan pada harga berpatutan iaitu RM2.00 bagi setiap cawan, dan terbukti mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada para peserta dan pelajar yang hadir. Sebanyak 30 cawan air telah terjual dan membawa untung bersih sebanyak RM30.

Aktiviti ini bukan sahaja membantu menambah tabung kewangan exco, malah menggalakkan semangat keusahawanan dalam kalangan ahli yang terlibat. Secara keseluruhan, program *Glowy Funfit Night* bukan sahaja berjaya dari segi pelaksanaan tetapi turut membuka ruang kerjasama yang positif antara exco JPK dan komuniti pelajar. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang telah memberikan komitmen dan kerjasama sepanjang aktiviti jualan berlangsung. Semoga semangat ini dapat diteruskan dalam program-program yang akan datang.